

UniSZA sasar mahkota Liga IPT



Aksi pertembungan pemain MMU, **Raslam Khan Abd Rashid** diasak pemain UiTM **Pahang** di Kuantan yang berkesudahan tuan rumah kecundang 0-1, pada Sabtu lalu.

Kuala Lumpur: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mempamer kesungguhan sebagai pencabar Divisyen Dua bola sepak Liga Institusi Pengajian Tinggi - Liga IPT 2014 - apabila melakar kemenangan kelima berturut-turut selepas membenam Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) 3-0, kelmarin.

Sabtu lalu, pasukan dari Kuala Terengganu ini turut menang selesa di tempat sendiri apabila mengatasi Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) 3-1 untuk menduduki tangga kedua carta di belakang Universiti Multimedia (MMU) yang menang tipis 1-0 ketika berkunjung ke UiTM Pahang.

Bagaimanapun MMU bermain enam kali berbanding UniSZA lima. Pertemuan dua pasukan ini pada 12 April lalu menyaksikan pasukan dari Cyberjaya itu tewas 0-1. Kedua-

dua pasukan mengumpul 15 mata dan hanya dipisahkan dengan kelebihan jaringan.

Bocor sekali

Mereka akan bertemu lagi pada pusingan kedua 24 Mei ini di Kuala Terengganu yang disifatkan 'aksi penentu' siapa bakal menjuarai divisyen itu. Dua pasukan teratas akan beraksi dalam Divisyen Satu musim 2015.

"Insya' Allah setakat ini peluang kami amat cerah untuk muncul juara," kata penolong pengurus UniSZA, Faziallah Mamat. "Kami perlu lebih waspada pada aksi akan datang sekalipun prestasi agak mantap ketika ini. Kami sasar untuk bermain dalam Divisyen Satu tahun depan selepas tiga tahun beraksi dalam Divisyen Dua."



Liga IPT

KEPUTUSAN

DIVISYEN 1

UKM...0 UITM PERLIS...2

KK KEDAH...3 UM...0

KK PERAK...1 KK PAHANG...1

DIVISYEN 2

UITM PAHANG...0 MMU...1

UTEM...0 UNISZA...3

USM...1 UPM...1

BH Sukan kini memberi peluang kepada pembaca mengirim berita serta gambar aktiviti sukan sekiranya kawasan masing-masing untuk disiarkan dalam akhbar ini membabitkan pelbagai aktiviti peringkat sekolah dan universiti. Berita serta gambar boleh dihantar ke: gelanggangbh@gmail.com

HARIAN METRO
25/4

25/4